

**PENGETAHUAN DAN MINAT TERHADAP KERJAYA KEUSAHAWANAN:
SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA
ALIRAN KEMAHIRAN**

ROS ELIANA BT AHMAD ZUKI

**Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

FEBRUARI, 2003

DEDIKASI

Buat kedua ibu bapa tersayang:

Ahmad Zuki bin Bahari
Rosnah bt Hassan

Buat mertua yang dikasihi:

Abdul Wahab bin Mohamed
Jamnah bt Che Me

Teristimewa buat suami tercinta:

Mohd Nafeez bin Abdul Wahab

Permata hati ibu:

Nadiatul Azreen bt Mohd Nafeez

serta adik-adik yang selalu dirindui.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa berdoa untuk kejayaanku,
memberi dorongan, sokongan dan memahami kesibukanku dalam melaksanakan
tanggungjawab sepanjang tempoh pengajian.

Semoga semuanya sentiasa mendapat rahmat serta
Hidayah dari Allah SWT di dunia dan akhirat

Wassalam

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan segala limpah kurnia dan rahmatNya, saya telah berjaya menyiapkan projek sarjana ini mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Sekalung penghargaan ikhlas ditujukan kepada Tn. Hj. Mohd Yusop bin Ab. Hadi, selaku penyelia projek sarjana di atas segala bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar yang amat berguna sepanjang tempoh penulisan kajian kes ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah penilai, Dr Jailani bin Mohd Yunus, pensyarah-pensyarah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, serta pihak-pihak yang telah memberi sumbangan yang bermanfaat dari segi bimbingan dan tunjuk ajar sebelum ini.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada rakan-rakan yang turut membantu dalam menyiapkan projek sarjana ini termasuk para responden yang terlibat. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada semua pihak.

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkaitan dengan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera aliran kemahiran. Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk melihat sama ada pelajar-pelajar ini mempunyai pengetahuan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan, atau tidak. Soal selidik telah diedarkan kepada 48 orang responden, dari kursus Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) di Institut Kemahiran Mara (IKM), Manjung, Perak Darul Ridzuan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Hasil analisis menunjukkan nilai skor min untuk kesemua item berada pada tahap yang memuaskan. Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar bumiputera aliran kemahiran sememangnya mempunyai pengetahuan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan. Walaupun mempunyai pengetahuan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan, mereka masih kekurangan maklumat berkenaan prosedur memulakan perniagaan serta badan atau organisasi yang memberi kemudahan dana kewangan. Oleh yang demikian, '*Panduan Ringkas Menceburi Bidang Keusahawanan*' dihasilkan untuk memberi maklumat tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memulakan sesuatu perniagaan serta badan atau organisasi yang memberi kemudahan dana kewangan, kepada para pelajar.

ABSTRACT

This study explained entrepreneurship as a career among the native students of skilled courses. The aim of this study is to see whether they have knowledge and interest in entrepreneurship. Sets of questionnaire had been given to 48 respondents, from Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) courses at Institut Kemahiran Mara (IKM), Manjung, Perak Darul Ridzuan. Data was analyzed using *Statistical Package For Social Science* (SPSS) software. The result shows that the mean score value for all items were in the satisfactory level. It proves that native students of skilled courses really have knowledge and interest in entrepreneurship. Although they have knowledge and interest, they still having less information about the procedure to start business and organization which give financial facilities. Therefore, '*Panduan Ringkas Menceburi Bidang Keusahawanan*' had been created to give information about the procedure to start business and organization which give financial facilities, to all students.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJAMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	HALAMAN KANDUNGAN	viii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xi
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	9
	1.8 Definisi Keusahawanan dan Bumiputera	10
	1.8.1 Definisi Istilah dan Operasional	

BAB 2 SOROTAN PENULISAN

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Definisi Usahawan dan Keusahawanan	14
2.3	Keusahawanan Dari Perspektif Islam	18
2.4	Sejarah Keusahawanan Bumiputera	29
2.5	Perlaksanaan DEB dan Perkembangan Usahawan Bumiputera	22
2.6	Keperluan Pencapaian	22
2.7	Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	24
2.8	Ciri-ciri Individu Usahawan	25
2.9	Minat Terhadap Kerjaya Usahawan	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Lokasi Kajian	31
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	32
3.7	Kaedah Penyelidikan	33
3.8	Penganalisan Data	34

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN

4.1	Pengenalan	36
4.2	Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	37

4.3 Ciri-ciri Keusahawanan Pada Diri Pelajar	40
4.4 Mengetahui Sejauhmanakah Pelajar Bumiputera Aliran Kemahiran Berminat Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	45

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	49
5.2 Perbincangan	49
5.2.1 Perbincangan Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	50
5.2.2 Perbincangan Mengenai Sejauhmanakah Pelajar Bumiputera Aliran Kemahiran Mempunyai Ciri-ciri Usahawan	56
5.2.3 Perbincangan Mengenai Sejauhmanakah Pelajar Bumiputera Aliran Kemahiran Berminat Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	61
5.3 Kesimpulan	63
5.4 Cadangan	64
RUJUKAN	65
LAMPIRAN (A-D)	68

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perkembangan Definisi Usahawan	15
2.2	Hakmilik Saham Modal Syarikat-Syarikat Berhad Malaysia Barat 1969	20
3.1	Skala Pemeringkatan Likert	32
3.2	Jadual Penentuan Tahap	34
4.1	Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	37
4.2	Peratus Skala Kekerapan Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	39
4.3	Ciri-ciri Usahawan	41
4.4	Peratus Skala Kekerapan Ciri-ciri Usahawan	43
4.5	Minat Terhadap Kerjaya Usahawan	46
4.6	Peratus Skala Kekerapan Minat Terhadap Kerjaya Usahawan	47
5.1	Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	50
5.2	Ciri-ciri Usahawan	56
5.3	Minat Terhadap Kerjaya Usahawan	61

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kerangka Kajian	30
4.1	Skor Min Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	38
4.2	Peratus Skala Kekerapan Ciri-ciri Kerjaya Usahawan	39
4.3	Skor Min Ciri-ciri Usahawan	42
4.4	Peratus Skala Kekerapan Ciri-ciri Usahawan	44
4.5	Skala Kekerapan Bertanggungjawab dan Melaburkan Wang Untuk Modal	45
4.6	Skor Min Minat Terhadap Kerjaya Usahawan	46
4.7	Skala Kekerapan Maklumat Dari Rakan	47



PTMATHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	68
B	Hasil analisis data kajian rintis menggunakan perisian SPSS	75
C	Hasil analisis data kajian sebenar menggunakan perisian SPSS	78
D	Panduan Ringkas Menceburi Bidang Keusahawanan	86



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kejayaan sesebuah negara di dunia ini banyak didokong oleh golongan yang dipanggil usahawan. Ini dapat dilihat khusus di negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Britain, Korea, dan negara-negara Eropah yang rata-rata berjaya menggembelingkan tenaga keusahawanan dengan sumber-sumber ekonomi yang lain ke arah kemajuan negara seluruhnya.

Serenidad F. Lavador di dalam Bird (1989), pernah menyatakan;

"Entrepreneurship is essential to national wealthbuilding. It is not enough for a country to have land, labour, capital and natural resources. It needs the talent, ability and drive of the entrepreneur to turn these resources into profitable enterprises".

Ini jelas menggambarkan betapa pentingnya bidang keusahawanan dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Di Malaysia, bidang keusahawanan ini sedang

rancak diperkembangkan selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini sebagai kejaya utama.

Jika dilihat daripada perspektif Islam, kekuatan umat Islam dilihat dalam ekonomi terutama perniagaan. Hadis Rasulullah s.a.w turut mengingatkan tentang sembilan per sepuluh sumber rezeki adalah datangnya dari perniagaan. Jika diamati peringatan ini, nescaya umat Islam memahami hikmah menjadikan usahawan sebagai suatu kejaya. Islam sendiri melihat bidang perniagaan tidak hanya sebagai aktiviti mengaut keuntungan tetapi juga membentuk ummah yang kukuh dan berkualiti.

Menurut Mohd Jali (2001), di dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh, seramai 26,300 usahawan bumiputera telah dibangunkan dari pelbagai skim pembangunan usahawan bumiputera yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Di dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan, kerajaan akan terus memberi penekanan dalam membangunkan usahawan bumiputera. Antara strategi yang telah digubal untuk memajukan lagi usahawan bumiputera adalah seperti berikut:

- a) Meningkatkan penyertaan berkesan bumiputera dalam program pembangunan usahawan dan pengkalan pemilikan modal sekurang- kurangnya tiga puluh peratus (30%),
- b) Membangunkan usahawan bumiputera yang berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing melalui program-program menanamkan nilai-nilai positif dan peningkatan keupayaan perniagaan, dan
- c) Mewujudkan lebih ramai lagi golongan berpendapatan pertengahan bumiputera dengan memberi penumpuan khusus kepada pembangunan usahawan bumiputera.

Kerajaan sangat komited dalam membangunkan sumber manusia kerana kerajaan percaya sumber manusia merupakan faktor penting yang akan menentukan kejayaan

pertumbuhan ekonomi dan daya saing. Di dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (RM 8), kerajaan telah meningkatkan lagi peruntukan pembangunan bagi pendidikan dan latihan. Dalam tempoh RM8 ini, peruntukan bagi pendidikan dan latihan adalah berjumlah RM22,660 juta berbanding RM20,185.8 juta yang diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke Tujuh (RM 7). Begitu juga dengan peruntukan pembangunan bagi latihan perindustrian, peruntukannya meningkat kepada RM3,760 juta berbanding RM1,876 juta yang diperuntukkan dalam RM7. Peruntukan yang besar ini adalah bertujuan untuk mencapai hasrat kerajaan bagi memperbanyakkan lagi penawaran pekerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berasaskan pengetahuan khasnya kerjaya keusahawanan.

Sejarah telah membuktikan bahawa peranan antara pelajar dulu dan sekarang adalah berbeza terutama sebelum merdeka dan selepas merdeka. Dunia kini telah banyak berubah kepada keadaan yang jauh lebih kompleks. Pelajar merupakan aset penting sesebuah negara yang harus memainkan peranan dalam membangunkan negara. Sebab itulah penting bagi kita semua membuat perancangan bersama agar kita dapat membentuk wawasan dan matlamat yang jelas untuk dijadikan panduan arah tuju, terutama dalam membangunkan masyarakat usahawan muda yang terdiri daripada para pelajar.

Matlamat ini penting bagi memastikan usahawan muda dapat memberikan sumbangan tepat demi pembangunan perpaduan, keselamatan negara, sesuai dengan keperluan semasa. Para usahawan muda perlu memperlengkapkan diri dalam menghadapi zamannya. Justeru itu, dalam bidang akademik, kerajaan telah menubuhkan pusat pengajian tinggi dan pusat-pusat kemahiran seperti universiti, politeknik, IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara), IKM (Institut Kemahiran Mara), ILP (Institut Latihan Perindustrian) dan sebagainya, bagi memantapkan lagi pendidikan kemahiran, latihan vokasional, teknologi maklumat dan komunikasi yang menjadi teras kepada pembangunan usahawan muda itu sendiri.

Di dalam ucapan YB. Dato' Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, sempena Perasmian Seminar Usahawan Alaf Baru 2000, pada 16 Julai 2000, bertempat di Hotel Eden Gardens Stulang Laut Johor Bahru, beliau menegaskan bahawa;

"Peluang menceburi bidang keusahawanan yang diwujudkan kerajaan hari ini tidak akan berulang jika tidak disebut dan diterokai oleh usahawan belia hari ini. Insyallah, usahawan belia dan setiap lapisan rakyat serta pemimpin akan terus menjalankan tanggungjawab memastikan kekuatan serta aset-aset penting negara tidak dimusnahkan."

Daripada pernyataan di atas dapatlah dinyatakan betapa pentingnya mewujudkan satu kelas usahawan muda yang terdiri daripada pelajar bumiputera, yang mempunyai pemikiran yang benar-benar baru, tanpa mempunyai fahaman bergantung kepada ihsan, dan agihan wang kerajaan. Pelajar bumiputera perlu merebut peluang yang terbuka ini sebagai satu proses memperkembangkan ekonomi diri secara berdikari dengan menubuhkan sebuah syarikat sendiri, menguruskan syarikat, menjalankan perniagaan dan, memperkembangkan urus niaga dalam sektor industri yang diceburi secara profesional. Dengan ini, sekaligus menyumbang ke arah peningkatan ekonomi negara.

1.2 Latar Belakang Masalah

Masyarakat bumiputera sering dikatakan ketinggalan dalam arus pembangunan dan kehidupan mereka dibelenggu dengan kemiskinan. Apabila berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menjadikan pembasmian kemiskinan sebagai salah satu objektif utamanya. Di samping itu, kerajaan

telah mewujudkan dasar penyusunan semula masyarakat yang bertujuan untuk menarik minat masyarakat bumiputera menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengangkat martabat usahawan bumiputera yang telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan atau sederhana ke taraf usahawan yang lebih besar dan bertaraf korporat.

Peruntukan kerajaan yang paling besar adalah untuk pendidikan, khususnya untuk membantu anak-anak keluarga miskin dan sederhana bumiputera di luar Bandar, mendapat pendidikan hingga ke peringkat universiti. Di samping memberikan biasiswa dan pinjaman, kerajaan juga telah mendirikan puluhan sekolah berasrama dan melancarkan beberapa program khas, seperti program matrikulasi sains asasi, sebagai program pintas, untuk mempercepatkan mereka ke universiti dalam dan luar negeri. Para graduan ini kembali bertugas dengan pihak kerajaan atau di sektor swasta dan ada yang berjaya menjadi peniaga bertaraf korporat atau setidak-tidaknya menjadi seorang usahawan yang berilmu hasil daripada pendidikan yang mereka perolehi.

Program membasmi kemiskinan yang dilancarkan oleh kerajaan bukan hanya bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan bahkan juga sekaligus untuk menambah bilangan usahawan bumiputera. Seperti kata pepatah, usaha ini tidak ubah seperti “sekali terkayuh dua tiga pulau terlansung”, yakni dengan pelaksanaan satu projek besar, seperti projek pendidikan ini, banyak hasil nyata yang dapat diraih.

Walaupun pihak kerajaan telah bertungkus-lumus melaksanakan pelbagai dasar, namun sehingga kini masih terlalu kurang masyarakat bumiputera menceburi bidang perniagaan mahupun berminat untuk menjalankan perniagaan. Ini mungkin disebabkan terdapatnya faktor kurangnya motivasi di kalangan masyarakat bumiputera yang berpunca daripada timbulnya banyak berita mengenai kegagalan usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan. Datuk Seri Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO kali ke-55 telah mengakui tentang kelemahan bumiputera dalam bidang ekonomi. Mereka masih gagal untuk mencapai 30 peratus daripada kekayaan negara walaupun telah berusaha selama 30 tahun (Nordin Abdul Malik, 2001).

Selain daripada itu, peniaga bumiputera juga telah dikenalpasti mempunyai masalah dari segi kekurangan ilmu pengetahuan, pengalaman dan modal dalam memulakan serta menguruskan perniagaan. Rozali Ishak, seorang peserta kursus Program Usahawan Teknikal (PUTEK) berpendapat masalah modal dan tiada pengalaman menjadi halangan bagi bumiputera untuk menjalankan perniagaan (Nordin Abdul Malik, 2001). Keadaan ini menyebabkan mereka mudah terperangkap dalam tipu helah perniagaan, mudah leka dan tiada sokongan dari segi kewangan sekiranya berlaku sesuatu terhadap perniagaan mereka ataupun untuk memperbesarkan dan memperkembangkan perniagaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Beberapa persoalan yang perlu difikirkan ialah mengenai program Dasar Ekonomi Baru yang telah tamat tempohnya pada tahun 1990 lalu. Apakah masyarakat bumiputera dapat memenuhi hasrat dasar tersebut? Berjayakah negara menghasilkan usahawan bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi dalam menghadapi keadaan ekonomi negara pada masa kini dan masa depan?

Pada hakikatnya, menjelang tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada penghujung tahun 1990 ini, didapati matlamat pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus di kalangan bumiputera masih belum tercapai. Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima (KSPRML) pemilikan tersebut hanya di paras 19.4 peratus dan amat jauh dari mencapai matlamat asalnya, sedangkan pemilikan oleh kaum bukan bumiputera ialah 15.6 peratus dan pemastautin asing sebanyak 24.6 peratus. Jika dilihat dari segi milikan individu pula, didapati milikan individu bumiputera adalah amat kecil iaitu sekitar 13 peratus sementara selebihnya iaitu 6.4 peratus dipegang oleh agensi-agensi amanah bumiputera.

Seperti yang diketahui, usahawan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Menurut Mohd Amir Sharifuddin Hashim (1992), peranan usahawan dalam pembangunan ekonomi mula menarik perhatian ahli-ahli ekonomi sejak ianya dikemukakan oleh Richard Cantillon dalam tahun 1805. Kini usahawan merupakan faktor yang paling kritikal dalam membangunkan ekonomi negara.

Selari dengan wujudnya Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, kerajaan sentiasa mengambil berat dan berusaha untuk memberi sokongan dan galakan kepada golongan bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan (Shamsul Amri Baharuddin, 2001).

Menurut Abu Hassan Adam (1991), ketiadaan ahli perniagaan yang betul-betul mahir dalam bidang pengurusan adalah faktor terpenting yang membawa kepada kegagalan bumiputera menrealisasikan sepenuhnya matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Hakikat ini beberapa kali telah disuarakan oleh pemimpin-pemimpin negara, malangnya ia tidak kesampaian.

Pelajar bumiputera yang akan menamatkan pengajian merupakan aset negara yang bakal merealisasikan matlamat penambahan penyertaan bumiputera dalam bidang keusahawanan, sehingga mencapai matlamat penambahan ekuiti sekurang-kurangnya 30%, sepertimana yang dinyatakan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Penambahan penyertaan pelajar bumiputera adalah penting dalam memartabatkan bangsa.

Dengan melihat peri pentingnya usahawan dalam kemajuan negara maka pengkaji berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan pengetahuan dan minat terhadap kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera. Ini memandangkan betapa perlunya semua pihak untuk menyahut seruan kerajaan bagi menghasilkan usahawan bumiputera yang berjaya.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, persoalan kajian-kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Apakah ciri-ciri kerjaya keusahawanan mengikut persepsi pelajar?
- b. Sejauhmanakah pelajar bumiputera aliran kemahiran mempunyai ciri-ciri keusahawanan?
- c. Sejauhmanakah pelajar bumiputera aliran kemahiran berminat untuk menceburi bidang keusahawanan?

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah;

- a. Mengenalpasti ciri-ciri kerjaya keusahawanan berdasarkan persepsi pelajar bumiputera aliran kemahiran,
- b. Mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan yang ada pada pelajar bumiputera aliran kemahiran, dan
- c. Mengenalpasti sejauhmana minat pelajar bumiputera aliran kejuruteraan untuk menceburi bidang keusahawanan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada dua tujuan utama, iaitu;

- a. Memberi pengetahuan berkenaan ciri-ciri kerjaya usahawan dan ciri-ciri individu usahawan kepada pelajar bumiputera bagi membantu pelajar menilai diri sendiri sama ada berpotensi menjadi usahawan, dan
- b. Bagi mencari cara bagaimana masalah usahawan bumiputera boleh diatasi. Melalui cara ini dapat membantu mereka menjadi usahawan berjaya sekaligus membuktikan bahawa usahawan bumiputera tidak akan mudah gagal dan terus berjaya dalam bidang keusahawanan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pelajar bumiputera tahun akhir kursus Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan), yang akan menamatkan pengajian dan akan menceburkan diri dalam arena pekerjaan. Institusi yang dikaji adalah Institut Kemahiran Mara, Sri Manjung, Perak. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti ciri-ciri kerjaya keusahawanan menurut persepsi pelajar. Seterusnya, melihat sejauhmanakah pelajar tersebut mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan mengenalpasti sejauhmanakah minat pelajar bumiputera aliran kemahiran ini, untuk menceburi bidang keusahawanan.

1.8 Definisi Tajuk

Di bawah, dinyatakan definisi bagi tajuk kajian yang dijalankan.

1.8.1 Definisi Istilah dan Operasional

i. Pengetahuan dan Minat

Perkataan pengetahuan berasal dari kata sendi tahu. Menurut Kamus Dewan (2000), tahu adalah maklum akan keadaan sebenarnya, faham serta mengerti. Manakala pengetahuan adalah perihal mengetahui iaitu tahu akan dan memaklumi.

Menurut Kamus Dewan (2000), minat adalah keinginan, kesukaan serta kecenderungan, kepada sesuatu.

Dalam kajian ini, pengetahuan dan minat boleh disamakan dengan maksud yang tertera di dalam Kamus Dewan (2000). Pengetahuan adalah perihal mengetahui, manakala minat merupakan kesukaan, keinginan serta kecenderungan terhadap sesuatu.

ii. Usahawan

Menurut Kao (1998), usahawan adalah seorang yang mengambil proses mencipta kekayaan dan penambahan nilai-nilai melalui idea-idea yang bernas, menghimpunkan sumber-sumber dan membuat sesuatu terjadi. Manakala keusahawanan adalah satu proses dalam membuat sesuatu yang baru dan berlainan untuk tujuan penambahan kekayaan untuk individu dan mengembangkannya untuk kemakmuran masyarakat.

Menurut Kamus Dewan (2000), usahawan adalah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan atau perniagaan.

Dalam kajian ini pengkaji mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang berusaha dalam bidang perniagaan. Jesteru itu secara umum boleh dikatakan bahawa usahawan adalah orangnya, usaha adalah tindakannya dan keusahawanan adalah bidangnya.

iii. Kerjaya

Perkataan kerjaya berasal dari kata sendi kerja. Menurut Kamus Dewan (2000), kerja adalah usaha yang bertujuan untuk menghasilkan sesuatu. Manakala kerjaya merupakan perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan.

Kerjaya melalui kajian ini boleh disamakan dengan maksud yang tertera di dalam Kamus Dewan, (2000), iaitu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan.

iv. Pelajar bumiputera aliran kemahiran

Menurut Kamus Dewan (2000), pelajar bumiputera adalah anak negeri atau peribumi yang sedang belajar atau berguru.

Marzuki dan Mat Som. (1999), aliran kemahiran merupakan bidang yang berkaitan pengetahuan dan kemahiran teknikal.

Pelajar bumiputera aliran kemahiran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah mereka yang terdiri daripada penduduk peribumi Melayu yang mempunyai taraf warganegara Malaysia, yang mengambil jurusan teknikal iaitu kejuruteraan awam.

BAB 2

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pendahuluan

Institut Kemahiran Mara (IKM) ditubuhkan semenjak 1968 dan sekarang ini terdapat dua belas buah IKM di seluruh Malaysia. IKM menyediakan pelbagai kursus kemahiran dan ketukangan yang meliputi bidang seperti Kursus Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Automotif, Elektrik, Kerja Logam, Lukisan Mekanikal, Senibina dan sebagainya. (Majlis Amanah Rakyat, 1998)

Objektif utama IKM adalah untuk:

- a. Melatih dan menggalak belia-belia bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan secara lebih meluas dan berkesan,
- b. Melengkapkan para belia bumiputera dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran guna (applied skills) untuk meningkatkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan terutamanya dalam sektor swasta,

- c. Membekal gunatenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh negara, dan
- d. Mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia bumiputera.

IKM adalah merupakan institusi yang berorientasikan latihan kemahiran dan dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Justeru itu hampir 70 peratus pelajaran yang diajar adalah berkaitan dengan latihan amali dan hanya 30 peratus adalah berkaitan teori mata pelajaran. Pelatih yang mengikuti latihan di mana-mana IKM diwajibkan mengikuti latihan yang telah ditetapkan. Komponen latihan adalah terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

- a. Pengajian Teknikal
- b. Pengajian Am
- c. Ko-Kurikulum
- d. Latihan Dalam Loji (LDL)

Pengajian Teknikal - Matlamat pembelajaran dalam komponen Pengajian Teknikal adalah memberikan seberapa banyak pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan tahap dan bidang yang diikuti supaya dapat memenuhi keperluan industri.

Pengajian Am – Matlamat pembelajaran dalam komponen Pengajian Am ini sebagai sokongan bagi mencapai matlamat latihan kemahiran MARA. Pelatih dari semua kursus diwajibkan mengambalnya dan lulus untuk tujuan persijilan. Subjek berkenaan adalah seperti Pendidikan Islam, Keusahawanan dan Bahasa Inggeris.

Ko-Kurikulum – adalah aktiviti yang berbentuk seperti pertubuhan badan beruniform, sukan, persatuan, kelab dan aktiviti kemasyarakatan. Pelatih adalah diwajibkan melibatkan diri sekurang-kurangnya satu aktiviti ko-kurikulum sepanjang latihan.

RUJUKAN

Abu Hassan Adam (1991). *“Menghala Wawasan 2020.”* Kuala Lumpur. Arena Ilmu Sdn. Bhd.

A. Rahman, T.K. (2000). *“Usahawan Sukses”*. m/s 60-61. Januari - Februari

Bardai (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bekri @ Othman (1996). *“Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Program Keusahawanan di Universiti dan Seterusnya Melahirkan Siswazah Usahawan: Kajian Kes di Universiti Utara Malaysia (UUM).* Terbitan UUM. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan.

Bird, B.J (1989), *Entrepreneur Behaviour*, Illionis : ScoH, Foresman and Company.

Harun Din dan Rakan-Rakan (1985), *Manusia dan Islam*. Polis DiRaja Malaysia.

Hisrich, R.D. and Peters, M.P (1995), *Entrepreneurship Starting Developing and Managing A New Science of Enterprise*, 2nd edition, New York; Richard D. Invin. Inc.

Hisrich, R.D. (1986), *“The Women Entrepreneur Characteristics, Skills, Problems and Prescription for Success”*, New York; Richard D. Invin Inc.

Ismail B. Salleh Dr.(1991), *“Cabaran Pembangunan Usahawan bagi Tahun 1990an”*,

Kemeterian Perusahaan Awam.

Kao, Raymond, W.Y. (1998), *Entrepreneurship, A Wealth-Creation and Value Adding Process*, Singapore : Prentice Hall.

Kamus Dewan (2000) Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalil (1996). "*Keusahawanan Sebagai Kerjaya*." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konok (1996). "*Faktor-faktor Penglibatan Orang-orang Melayu Dalam Bidang Keusahawanan: Kajian Kes di Sekitar Bandar Alor Setar*." Universiti Utara Malaysia.

Majlis Amanah Rakyat (1998). *Buku Panduan Kursus Program Latihan Sepenuh Masa Institut Kemahiran MARA Cawangan Kurikulum. Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur.*

Marzuki & Mat Som (1999). "*Isu Pendidikan di Malaysia : Sorotan dan Cabaran Kuala Lumpur*". Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Maslow, A.H (1954), *Motivation and Personality*, New York: Haper and Row.

Mc Clelland, D.C (1985), *Human Motivation*. Scott Foresman and Company.

Malaysia (1971), *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Cetakan Kerajaan. Kuala Lumpur.

Mohd Amir Sharifuddin Hashim (1992), "*Sumber Usahawan Bumiputera; Peranan Universiti*". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Jali (2001), *Pengajian Malaysia, Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn.Bhd.

Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan dan Pendidikan: Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur.

Mohd. Shukri (2000), “*Trait Keusahawanan Sebagai Suatu Kerjaya.*” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Nacimas dan Nacimas (1976), *Experiences in Entrepreneurship and small Business Management*, New Jersey: Prentice-Hall.

Nik Abdul Rashid Ismail (1983), *Kemajuan Usahawan Bumiputera. Satu Model Untuk Renungan.* Dalam *Jurnal Pengurusan* Jil/Vol. 2 Julai 1983. Penerbit UKM, 1983.

Nordin Abdul Malik (2001) Edisi Januari – Februari. *Usahawan Sebagai Kerjaya. “Usahawan Sukses”.*

Nordin Abdul Malik (2001) Edisi Julai – Ogos. *Ekonomi Melayu Masih Lemah. “Usahawan Sukses”.*

Roslee B. Zainal (1998), “*Kerjaya Keusahawanan Di Kalangan Pelajar IKM.*” Universiti Teknologi Malaysia , Skudai.

Shamsul Amri Baharuddin (2001) Edisi September. *Kemiskinan Antara Idea dan Kenyataan. “Dewan Budaya”.*

Tajuddin Jali (1977), *Penyusunan Semula Masyarakat dan Pembangunan Ekonomi Melayu.* Dalam *Masalah Dan Prospek Ekonomi Bumiputera.* Penerbit UKM 1983.

Yap Putih (1985). *Keusahawanan.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Salleh (Disember 1994). *Jauhari Peribadi Anda. “Dewan Ekonomi”.*